

**SOALAN LATIH TUBI BERFOKUS (SOLAF 2)
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011**

3757/2

**EKONOMI ASAS
Kertas 2
Ogos 2011
2 jam**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas ini mengandungi enam soalan.*
2. *Jawab mana-mana **tiga** soalan **Bahagian A** dan soalan **Bahagian B** Wajib dijawab.*

BAHAGIAN A
[75 MARKAH]
JAWAB 3 SOALAN SAHAJA

“Encik Amir menangguhkan pembelian jam tangannya
bagi membeli basikal untuk anaknya”

1. (a) Merujuk kepada masalah ekonomi, bagaimanakah keputusan itu diambil? [6 markah]
- (b) Modal dan tanah merupakan dua jenis faktor pengeluaran utama dalam aktiviti pengeluaran. Bandingkan kedua –dua jenis faktor pengeluaran ini. [6 Markah]
- (c) Terangkan bagaimanakah sistem ekonomi yang diamalkan di Malaysia menyelesaikan masalah apa,bagaimana, dan untuk siapa barang dikeluarkan. [7 markah]
- (d). Encik Maswan merupakan pegawai kerajaan yang berjawatan tetap dan berpencen. Gaji bulanan Encik Maswan ialah RM2 065 dan elaun khidmat awamnya ialah RM65. Beliau mempunyai seorang isteri dan enam orang anak. Anak yang sulung telah bekerja dengan sebuah firma Guaman Lai and Cumini Co. Anak beliau yang lain masih bersekolah dan berusia di bawah 18 tahun.

Berikut adalah pelepasan cukai yang dibenarkan oleh kerajaan:

Diri pembayar	RM8 000
Isteri	RM3 000
Anak-anak di bawah 18 tahun (dibenarkan hingga 5 orang)	RM1 000 setiap orang


Kadar cukai yang dikenakan oleh kerajaan :

RM2 500 pertama	0%
RM2 500 kedua	1%
RM5 000 berikut	3%
RM10 000 berikut	5%

Hitungkan jumlah cukai pendapatan yang perlu dibayar oleh Encik Maswan.

[6 markah]

2. (a) Rajah 1 menunjukkan peralihan keluk permintaan kereta tempatan



Rajah 1

Terangkan tiga faktor yang menyebabkan peralihan keluk tersebut.

[6 markah]

- (b) Jadual di bawah menunjukkan jumlah keluaran, keluaran purata dan keluaran sut bagi sebuah firma.

Bilangan Buruh (unit)	Jumlah keluaran (unit)	Keluaran Purata (unit)	Keluaran Sut (unit)
0	0	-	-
1	60	60	60
2	145	72.5	85
3	240	80	P
4	330	Q	90
5	410	82	80
6	470	78.3	60
7	R	70	20
8	490	61.3	0
9	472	52.4	S

- (i) Berapakah nilai P,Q,R dan S?

[4 markah]

(ii) Jelaskan hubungan antara buruh dengan jumlah keluaran, keluaran purata dan keluaran sut pada bilangan yang berikut:

(a) Buruh 0 – 3 unit [3 markah]

(b) Buruh 4 – 8 unit [3 markah]

(c) Berdasarkan peristiwa-peristiwa berikut, jelaskan kesannya ke atas pasaran gula. (setiap peristiwa adalah berasingan):


(i) Kempen terhadap pencegahan penyakit diabetes. [3 markah]

(ii) Perayaan Hari Raya Puasa. [3 markah]

(iii) Terdapat nya aktiviti menyeludup gula ke luar negara. [3 markah]

3. (a) Rajah 2 menunjukkan rajah keseimbangan pasaran buruh.

Kadar upah (RM sejam)



Rajah 2

Berdasarkan rajah di atas, terangkan keadaan pasaran pada

i. titik w [3 markah]

ii. tingkat upah RM 60 sejam [3 markah]

iii. tingkat upah RM 20 sejam [3 markah]

(b)



Apakah fungsi wang yang dijelaskan dalam gambar di atas? . [3 markah]

(c) Jadual di bawah menunjukkan perubahan syarat sewa beli bagi tahun 2008 dan 2009

Tahun	Pinjaman maksimum	Tempoh kredit	Kadar faedah
2008	90%	7 tahun	8.5 % setahun
2009	80%	6 tahun	9.5% setahun

(i) Tentukan keadaan ketidakstabilan ekonomi tersebut. [1 markah]

(ii) Terangkan **dua** cara bank pusat mengatasi keadaan di 3(c)(i) [6 markah]

(d) Jelaskan tiga konsep Skim Perbankan Islam yang dilaksanakan oleh Maybank Islamic. [6 markah]

4. (a) Terangkan masalah yang akan dihadapi oleh ekonomi negara jika hanya bergantung kepada Sektor Utama, [6 markah]

(b)

Hasil Kerajaan	Perbelanjaan Kerajaan
Cukai Langsung Cukai Tidak Langsung Hasil Bukan Cukai	Perbelanjaan Mengurus Perbelanjaan Pembangunan

Berdasarkan jadual di atas :

(i) Berikan dua contoh hasil bukan cukai. [2 markah]

(ii) Nyatakan tujuan cukai tidak langsung dikenakan oleh kerajaan? [2 markah]

(iii) Terangkan perbezaan antara perbelanjaan mengurus dengan perbelanjaan pembangunan. [4 markah]

- (c) Kerajaan akan membuat pinjaman apabila perbelanjaan kerajaan melebihi pendapatan.
Terangkan bentuk-bentuk pinjaman kerajaan daripada sumber luar negara. [6 markah]

- (d) Maklumat berikut merujuk kepada situasi ekonomi sebuah negara.

*** Stok barangan berlebihan**
***Kadar pengangguran meningkat**

Jelaskan bagaimana dasar belanjawan mengawal situasi ekonomi negara tersebut. [5 markah]

5. (a)

Hampir semua negara ingin:

- * memiliki barang yang tidak disediakan dalam negeri*
- * mendapat keuntungan daripada pertukaran mata wang asing.*
- * meluaskan pilihan pengguna/meluaskan pasaran*

Terangkan **tiga** sebab lain yang mewujudkan keadaan di atas. [6 markah]

- (b) Terangkan kepentingan cukai import kepada sesebuah negara. [6 markah]

- (c) Maklumat berikut menunjukkan kadar pertukaran asing antara Dolar Singapura dengan Ringgit Malaysia

S\$1.00 = RM2.50(kadar lama)

S\$1.00 = RM2.70(kadar baru)

- (i) Apakah yang berlaku terhadap kadar pertukaran bagi Ringgit Malaysia . [1 markah]
- (ii) Jelaskan kesannya terhadap eksport dan import negara . [6 markah]

- (d) Terangkan kesan bagi situasi-situasi yang berikut terhadap kadar pertukaran asing Malaysia
- (i) Singapura meningkatkan import minyak kelapa sawit daripada Syarikat KLK Malaysia. [3 *markah*]
 - (ii) Syarikat Susu Sejati Sdn.Bhd., Petaling Jaya Selangor menambahkan import keluaran tenusu dari Australia. [3 *markah*]

Bahagian B
[25 markah]
Soalan ini **wajib** dijawab

- 6 Pn. Gaya seorang setiausaha di Syarikat Abata Jaya Sdn. Bhd. Beliau menetap di Taman Seri Wang Perak. Setiap tahun beliau membayar cukai pintu. Beliau juga perlu membayar cukai perkhidmatan apabila membawa keluarganya menginap di hotel.

Memandangkan dunia kini telah mengalami kemelesetan ekonomi global, keadaan ini turut memberi kesan kepada negara Malaysia. Oleh itu kerajaan melalui dasar belanjawan negara telah menjalankan beberapa langkah untuk mengatasi masalah ekonomi tersebut. Ekoran daripada masalah tersebut, banyak syarikat telah memberhentikan operasi pengeluaran dan pekerja mereka termasuk Syarikat Abata Jaya Sdn. Bhd.

Pn. Gaya juga telah diberhentikan kerja. Oleh itu beliau terpaksa mencari sumber pendapatan lain. Berbekalkan wang pampasan yang diterima sebanyak RM25,000 daripada Syarikat Abata Jaya Sdn. Bhd., beliau mengambil keputusan untuk menjalankan perniagaan “Serbuk Tomyam Kami” resipi keluarganya. Dalam proses pengeluaran produknya beliau telah menggunakan sebuah mesin pengisar cili, 4 orang pekerja serta bekalan rempah ratus dari luar negara. Setelah 2 tahun beroperasi, pengeluaran “Serbuk Tomyam Kami” telah meningkat berikutan permintaan yang tinggi di pasaran tempatan kerana harganya yang rendah dan rasanya yang enak. Bagi memenuhi permintaan pelanggan, Puan Gaya telah memesan 2 unit mesin pengisar cili dari Amerika Syarikat dengan harga US1 500 seunit. Pada masa itu kadar pertukaran asing ialah US1.00 bersamaan RM 3.70.

Berkat kegigihan dan kesabaran, kini perniagaan beliau semakin maju. Puan Gaya cuba memasarkan “Serbuk Tomyam Kami” ke India, tetapi beliau mendapati terdapat beberapa sekatan dalam memasarkan produk tersebut ke India berbanding dengan pasaran tempatan.

Berdasarkan situasi tersebut, jawab soalan-soalan berikut :

- (a) (i) Nyatakan dua jenis cukai yang dibayar oleh Puan Gaya [2 markah]
(ii) Bezakan antara dua jenis cukai tersebut. [4 markah]

- (b) Terangkan **dua** cara bank pusat memulihkan keadaan ekonomi tersebut. [4 markah]
- (c) (i) Hitungkan nilai pembelian mesin yang perlu dibayar oleh Puan Gaya dalam sebutan Ringgit Malaysia (RM). [2 markah]
- (ii) Nyatakan dua jenis input yang terlibat dalam pengeluaran “Serbuk Tomyam Kami”. [2 markah]
- (iii) Terangkan perbezaan antara dua jenis input tersebut. [4 markah]
- (d) Terangkan sekatan-sekatan yang dihadapi oleh Pn Gaya dalam usaha memasarkan “Serbuk Tomyam Kami” ke India. [7 markah].

KERTAS SOALAN TAMAT